



**GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PEJABAT SEMASA TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
MULAI 22 OKTOBER 2020 SEHINGGA TAMAT PKPB**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pengoperasian dan kehadiran ke pejabat semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 22 Oktober 2020 sehingga PKPB tamat bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Pejabat KPLB Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob menerusi sidang media dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya berkuat kuasa pada 14 hingga 27 Oktober 2020 dan negeri Sabah yang berkuat kuasa pada 13 hingga 26 Oktober 2020.
- 2.2 Susulan daripada trend peningkatan kes positif COVID-19 di negeri dan wilayah-wilayah ini, Menteri Kanan Pertahanan, menerusi sidang media dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 Oktober 2020 telah mengarahkan semua kakitangan awam dan swasta di seluruh negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) berkuat kuasa pada 22 Oktober 2020 sehingga PKPB tamat.

2.3 Lanjutan itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah mengeluarkan arahan melalui surat edaran rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 bertarikh 21 Oktober 2020 berkaitan Arahan Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

3. TAFSIRAN

- 3.1 **Ketua Jabatan** bermaksud Setiausaha Bahagian/Ketua Unit/Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Agensi di bawah KPLB.
- 3.2 **Pegawai** bermaksud pegawai/kakitangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar/Pejabat KPLB Negeri/Jabatan/Agenzi di bawah KPLB.

4. PANDUAN UMUM

- 4.1 Setiap pegawai perlu sentiasa melaksanakan amalan kawalan kendiri bagi menyekat penyebaran wabak Covid-19 dengan memakai topeng muka, mengutamakan kebersihan diri iaitu kerap membasuh tangan menggunakan sabun atau mencuci tangan menggunakan hand sanitizer serta mengamalkan penjarakan fizikal (1 meter).

5. KEHADIRAN KE PEJABAT

- 5.1 Kehadiran ke pejabat mulai 22 Oktober 2020 sehingga tamat tempoh PKPB adalah berdasarkan surat edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.7(2) bertarikh 21 Oktober 2020.
- 5.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan keberadaan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke pejabat mulai 22 Oktober 2020 adalah pada tahap maksimum 30 peratus sambil memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas dan berterusan. Arahan kehadiran bertugas ini adalah terkecuali kepada penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan penting yang ditentukan oleh Ketua Jabatan selaras dengan surat edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.6(2) bertarikh 17 Mac 2020.

- 5.3 Untuk itu, Ketua Jabatan adalah diarah supaya memastikan semua pegawai yang tidak diperlukan berada dipejabat sepenuh masa, dijadualkan supaya Bekerja Dari Rumah (BDR), sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar kehadiran mereka dipejabat dioptimumkan pada kadar minimum semasa tempoh PKPB dikuatkuasa. Dalam hal ini, ketetapan surat edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.6(6) bertarikh 2 Mei 2020 masih terpakai.
- 5.4 Pegawai/kakitangan yang dikenal pasti sebagai *Person Under Investigation* (PUI) berkaitan dengan COVID-19 tidak dibenarkan ke pejabat dan perlu mengikut garis panduan prosedur kuarantin KKM.
- 5.5 Pegawai/kakitangan yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) tidak dibenarkan hadir ke pejabat atas sebarang urusan.
- 5.6 Pegawai yang tinggal di Zon Merah bagi kes aktif tidak dibenarkan hadir ke pejabat dan mesti bekerja dari rumah. Maklumat terkini mengenai Zon Merah bagi kes aktif di kawasan tertentu boleh diperolehi dari laman sesawang/facebook/telegram Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri.

6. MESUARAT/PERBINCANGAN/LATIHAN

- 6.1 Semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya.

7. PENGENDALIAN DOKUMEN RAHSIA RASMI

- 7.1 Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan atas kepentingan tugas dan prinsip BDR untuk memberi kebenaran membawa keluar dari pejabat dokumen rahsia rasmi termasuk salinan *hardcopy* atau *softcopy* berpandukan Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

8. PENUTUP

- 8.1 Ketua Jabatan perlu memastikan semua pegawai di bawah seliaan masing-masing mematuhi peraturan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan semua arahan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa dalam mencegah penularan COVID-19 khususnya di kalangan warga Kementerian ini.